A **PP**

lwn.

CHAN KEANG LEAN

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
YAACOB MD SAM PK
[PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO: 43-9-2009]
7 MEI 2009

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Semakan - Semakan saman yang dikeluarkan hakim sesyen di bawah s. 51 Kanun Tatacara Jenayah - Saman memerintahkan ahli kimia menyerahkan laporan kimia kes berkaitan sebelum tarikh ditetapkan di mana kegagalan berbuat demikian mengakibatkan waran tangkap dikeluarkan - Sama ada hakim sesyen*
D *terkhilaf mengeluarkan saman - Kanun Tatacara Jenayah, ss. 51A, 325, 399*

Ini adalah permohonan semakan jenayah oleh Timbalan Pendakwa Raya terhadap saman yang dikeluarkan oleh hakim sesyen di bawah
E s. 51 Kanun Tatacara Jenayah ('Kanun'). Dengan saman itu, hakim sesyen memerintahkan seorang ahli kimia kerajaan menyerahkan laporan kimia kes dadah berbahaya yang berkaitan kepada mahkamah sebelum tarikh yang ditetapkan dalam saman tersebut di mana kegagalan berbuat demikian akan membawa
F kepada suatu waran tangkap terhadap ahli kimia tersebut. Isunya adalah sama ada hakim sesyen telah terkhilaf dari segi undang-undang dalam mengeluarkan saman tersebut.

Diputuskan (membenarkan permohonan dan mengenepikan saman):

G

(1) Secara amnya, pengemukaan apa-apa harta atau dokumen di mahkamah boleh dibuat melalui pembuat dokumen tersebut atau pemiliknya atau pegawai penyiasat kes. Walau bagaimanapun, s. 51 Kanun memberi kuasa budibicara kepada
H mahkamah sama ada sebelum permulaan prosiding atau semasa prosiding untuk mengeluarkan saman bagi mengarahkan mana-mana orang supaya mengemukakan dan menyerahkan apa-apa harta atau dokumen yang pada pendapat mahkamah adalah relevan dengan mana-mana siasatan, inkuiri, perbicaraan atau
I prosiding di hadapannya. (perenggan 11 & 12)

(2) Dalam kes permohonan semakan di hadapan mahkamah ini, pihak pembelaan dan pihak pendakwaan tidak membuat permohonan bagi laporan kimia tersebut dikemukakan. Pengeluaran saman adalah di atas arahan hakim sesyen sendiri. Rekod prosiding tidak menunjukkan apa-apa permohonan atau hujahan pihak-pihak sebelum hakim sesyen memerintahkan saman di bawah s. 51 Kanun dikeluarkan. Satu-satunya inferens yang boleh dibuat oleh mahkamah ini ialah oleh kerana kes tersebut telah ditangguhkan sebutan sebanyak lima kali dan memasuki bulan kelima sejak didaftarkan dan laporan kimia masih belum disediakan dan tertuduh berada di dalam reman maka hakim sesyen mengambil initiatif sendiri dengan menggunapakai peruntukan s. 51 untuk mengarahkan ahli kimia menyerahkan laporan tersebut kepada mahkamah. Sama ada laporan itu bagi kegunaan mahkamah atau untuk dibuat serahan kepada pihak pembelaan atau pihak pendakwaan setelah mahkamah diserahkan dengan laporan tersebut tidak dapat dipastikan tujuannya. (perenggan 16)

(3) Peruntukan baru s. 51A Kanun bertujuan untuk menghendaki pihak pendakwaan membekalkan dengan lebih awal sebelum bermulanya perbicaraan mana-mana dokumen yang hendak digunakan oleh pihak pendakwaan kepada pihak pembelaan/ tertuduh. Peruntukan baru ini adalah bertujuan untuk membolehkan prosiding perbicaraan berjalan dengan lebih lancar dan pihak pembelaan dapat membuat persediaan pembelaan kes yang lebih awal. Oleh yang demikian pengantungan pihak-pihak di bawah kaedah peruntukan s. 51 Kanun yang kebiasaannya memakan masa dan boleh melewatkan kelancaran prosiding bicara kes dapat diatasi. Peruntukan s. 51 Kanun masih terus dikekalkan di samping peruntukan baru yang terdapat di bawah s. 51A tersebut. Di dalam kes *PP v. Mohd Fazil Awaludin* pesuruhjaya kehakiman telah memutuskan bahawa peruntukan tersebut bersifat 'directory' dan bukan 'mandatory'. Ini bermaksud ketidakpatuhan kepada peruntukan tersebut tidak menjadi halangan atau terhalang ke atas pihak pendakwaan daripada mengemukakan dokumen yang hendak dijadikan keterangan pendakwaan. (perenggan 17)

(4) Dalam perkara laporan orang-orang tertentu, penerimaan masuk mana-mana laporan orang-orang tertentu itu adalah diperuntukkan di bawah s. 399 Kanun. Ahli kimia tergolong kepada "orang-orang tertentu" tersebut yang dinyatakan di bawah sub-s. (2)(c) s. 399 Kanun tersebut. Maka yang demikian laporan oleh ahli kimia hendaklah juga tertakluk kepada kaedah yang diperuntukkan di bawah s. 399 Kanun. Memandangkan peruntukan s. 399 Kanun adalah peruntukan yang bersifat khusus maka mahkamah ini berpendapat s. 51 dan s. 51A Kanun tidak terpakai bagi laporan oleh orang-orang tertentu tersebut yang perlu dikendalikan menurut peruntukan s. 399 Kanun. (perenggan 18, 19, 20 & 21)

(5) Seksyen 399 Kanun memberi pilihan kepada pihak pendakwaan dalam membawa masuk laporan oleh orang-orang tertentu (kebiasaannya dipanggil laporan pakar) sebagai keterangan tertakluk kepada pra-syarat yang perlu dipatuhi, iaitu sesalinan laporan tersebut hendaklah dibuat serahan ke atas tertuduh tidak kurang daripada sepuluh hari genap sebelum permulaan perbicaraan itu. Jika tertuduh ingin memeriksa balas ke atas orang tertentu itu, maka tertuduh perlu memberi notis kepada pihak PR tidak kurang daripada tiga hari genap sebelum permulaan perbicaraan. Sekiranya laporan tersebut tidak dibuat serahan maka pembuat laporan perlu hadir sendiri memberi keterangan. (perenggan 22)

(6) Jika orang-orang tertentu hadir sendiri memberi keterangan maka laporan yang disediakan oleh mereka hanya untuk tujuan "refresh memory" atau menjadi keterangan sokongan. Penerimaan masuk laporan kimia tanpa dibuat serahan ke atas tertuduh menjadikan sabitan tidak sah dan tidak boleh dipulihkan. Mahkamah Agung dalam kes *Ooi Lean Chai v. PP* telah memutuskan bahawa laporan kimia masih wajib dibuat serahan semula walaupun kes diperintahkan "retrial" jika pihak pendakwaan ingin menggunakan laporan tersebut. Mahkamah Agung juga telah memutuskan dalam kes tersebut bahawa peruntukan s. 399(1) Kanun ialah mengenai kebolehterimaan keterangan dan bukan hanya prosedur. Lagi, ianya adalah undang-undang tetap bahawa proviso kepada s. 399(1) Kanun adalah syarat terdahulu dan jika tidak diikuti, laporan kimia berkenaan tidak boleh diterimamasuk sebagai keterangan tanpa memanggil ahli kimia kerajaan untuk mengeluarkannya. Ianya mengikut bahawa laporan kimia atau laporan oleh orang-orang

tertentu diperuntukkan secara khusus dalam Kanun dan kaedah pengemukaan dan penggunaannya sebagai keterangan adalah diuruskan di bawah s. 399 Kanun. (perenggan 23)

(7) Saman di bawah s. 51 Kanun yang dikeluarkan oleh hakim sesyen bagi memaksa ahli kimia menyerahkan laporan kimia kepada mahkamah adalah tidak betul dan tidak tepat di atas alasan: (a) tiada permohonan sedemikian oleh mana-mana pihak kepada mahkamah bagi mendapatkan laporan kimia; (b) peruntukan s. 51 tidak terpakai bagi laporan kimia oleh ahli kimia atau laporan oleh orang-orang tertentu; (c) peruntukan s. 399 adalah peruntukan khusus berkaitan laporan ahli kimia dan ia mengatasi kaedah pengemukaan dokumen yang terdapat di bawah s. 51; (d) laporan ahli kimia belum sedia semasa saman dikeluarkan dan ahli kimia tidak boleh "dipaksa" menyediakan laporan itu; (e) pengemukaan terus laporan kimia kepada mahkamah adalah bertentangan dengan peruntukan s. 399 yang memberi pilihan kepada pihak pendakwaan sama ada ingin mengemukakannya sebagai keterangan atau perlu memanggil ahli kimia sendiri memberi keterangan; (f) mahkamah mempunyai kuasa untuk memanggil ahli kimia tetapi panggilan sebagai saksi hendaklah diuruskan menurut peruntukan s. 399(1); dan (g) pengataan dalam saman bahawa waran tangkap akan dikeluarkan bagi ketidakpatuhan saman adalah bertentangan dengan peruntukan s. 51 yang tidak memperuntukkan peruntukan sedemikian. Ianya mengikut bahawa saman di bawah s. 51 Kanun yang dikeluarkan oleh hakim sesyen diketepikan berdasarkan kuasa-kuasa penyemakan yang diperuntukkan di bawah s. 323 Kanun dan s. 31 Akta Kehakiman. (perenggan 24, 25 & 26)

Kes-kes yang dirujuk:

Chong Yik v. PP [1953] 1 LNS 15 HC ***(dirujuk)***

Datuk Tiah Thee Kian v. PP & Other Appeals [2002] 2 CLJ 21 HC ***(dirujuk)***

Hj Abdul Ghani Ishak v. PP [1979] 1 LNS 23 HC ***(dirujuk)***

Kulwant v. PP [1986] 2 MLJ 10 ***(dirujuk)***

Ooi Lean Chai v. PP [1991] 2 CLJ 1304; [1991] 1 CLJ (Rep) 337 SC ***(dirujuk)***

PP v. Liew Onn Kiong [1991] 1 CLJ 165, [1991] 3 CLJ (Rep) 593 HC ***(dirujuk)***

PP v. Lin Lian Chen [1990] 2 CLJ 1020; [1990] 2 CLJ (Rep) 746 HC ***(dirujuk)***

PP v. Mohd Fazil Awaludin [2009] 2 CLJ 862 HC ***(dirujuk)***

A *PP v. Raymond Chia Kim Chwee & Another Case [1983] 1 CLJ 321; [1983] CLJ (Rep) 798* ***(dirujuk)***
PP v. Teoh Choon Teck [1962] 1 LNS 141 HC ***(dirujuk)***
Syed Abu Bakar Ahmad v. PP [1981] 1 LNS 127 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
B Courts of Judicature Act 1964, s. 31
Criminal Procedure Code, ss. 51, 51A, 323, 399(1), (2)(c)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 12(2), 39A(2)

Bagi pihak pemohon/pendakwaan - Norina Zainol Abidin TPR
C *Bagi pihak responden/tertuduh - V Pathiban*

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

D **PENGHAKIMAN**

Yaacob Md Sam PK:

[1] Permohonan semakan jenayah ini dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya kepada mahkamah ini melalui surat permohonan
E bertarikh 6 Mei 2009 terhadap saman yang dikeluarkan oleh hakim sesyen bertarikh 5 Mei 2009 yang memerintahkan supaya ahli kimia mengemukakan laporan kimia ke mahkamah di bawah s. 51 Kanun Tatacara Jenayah.

F **Isu**

[2] Sama ada saman di bawah s. 51 Kanun Tatacara Jenayah teratur dikeluarkan di sisi undang-undang.

Latar Belakang Permohonan

G

[3] Tertuduh dalam kes ini telah dituduh di bawah dua kesalahan berasingan bagi pemilikan dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 30 gram dan heroin seberat 12.2 gram. Kedua-dua kesalahan tersebut adalah merupakan kesalahan di
H bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan hukuman di bawah s. 39A(2) Akta yang sama. Kesalahan adalah dari jenis yang tidak boleh dijamin.

[4] Kedua-dua pertuduhan tersebut telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen (Jenayah) Georgetown pada 12 Januari 2009
I dan kes dipanggil bagi sebutan pertama. Selepas daripada tarikh itu, kes tersebut telah dipanggil semula sebanyak lima kali iaitu

pada 12 Februari 2009, 5 Mac 2009, 6 April 2009, 20 April 2009 dan 4 Mei 2009 bagi tujuan mendapatkan laporan kimia. Walau bagaimana pun pada setiap tarikh itu hakim sesyen dimaklumkan oleh Timbalan Pendakwa Raya bahawa laporan kimia masih belum diperolehi.

[5] Sebutan kes ditetapkan selanjutnya pada 5 Mei 2009 bagi laporan kimia didapatkan. Pada tarikh itu Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana memaklumkan kepada hakim sesyen bahawa ahli kimia melalui surat bertarikh 4 Mei 2009 memberitahu bahawa laporan kimia belum dapat disediakan dan dijangka akan dapat dikeluarkan pada 8 Mei 2009. Oleh itu Timbalan Pendakwa Raya memohon untuk kes tersebut dipanggil bagi sebutan lanjut pada 11 Mei 2009 tetapi tidak disetujui oleh hakim sesyen.

[6] Pada prosiding bertarikh 5 Mei 2009 tersebut, hakim sesyen telah mengeluarkan satu saman di bawah s. 51 Kanun Tatacara Jenayah ke atas ahli kimia supaya menyerahkan laporan kimia tersebut kepada mahkamah pada 8 Mei 2009. Diturunkan butiran saman tersebut:

Dalam Mahkamah Sesyen Jenayah (1) Georgetown
Dalam Negeri Pulau Pinang
Saman Untuk Kemukakan Lapuran Kimia
(Seksyen 51, Kanun Acara Jenayah)

Kepada:

Cik Mawarni bt. Ab. Rahman
Pegawai Sains,
Jabatan Kimia Pulau Pinang

BAHAWASANYA kamu diperintahkan untuk hadir sendiri dan kemukakan kepada Mahkamah ini Lapuran Kimia (PP) FOR 100/19-0 berkaitan dengan Kes No: 62-3-2009 pada 8 Mei 2009 jam 9.00 pagi di Mahkamah Sesyen Jenayah (1) Georgetown, Pulau Pinang.

Atas kegagalan kamu hadir pada masa dan tarikh yang ditetapkan waran tangkap boleh dikeluarkan terhadap kamu.

Diperbuat di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah ini pada 5 Mei 2009.

A t.t.

...
Pendaftar
[Muna Maria bt Azmi
Pendaftar
B Mahkamah Sesyen Georgetown
Pulau Pinang].

[7] Pihak Timbalan Pendakwa Raya memohon supaya mahkamah ini menggunakan kuasa-kuasa semakan bagi saman dan perintah
C tersebut dibuat penyemakan di atas alasan hakim sesyen telah khilaf dari segi undang-undang dalam mengeluarkan saman tersebut.

[8] Surat permohonan penyemakan bertarikh 6 Mei 2009
D tersebut telah diterima oleh Mahkamah Tinggi pada 7 Mei 2009 dan dirujukkan kepada saya dengan serta merta oleh Timbalan Kanan Pendaftar Mahkamah ini dan setelah menelitinya saya bersetuju untuk permohonan tersebut didengar pada sebelah petang hari yang sama dan permohonan tersebut didaftarkan.
E Pihak-pihak terlibat dimaklumkan serta merta ke atas penetapan pendengaran semakan. Pendengaran segera tersebut ditetapkan memandangkan saman dan perintah tersebut akan dikuatkuasakan kesannya pada 8 Mei 2009 yang bermakna jika ahli kimia kerajaan gagal mengemukakan dan menyerahkan sendiri lapuran kimia maka
F waran tangkap akan dikeluarkan ke atas beliau.

[9] Pada 7 Mei 2009 mahkamah ini juga telah dibekalkan dengan ikatan salinan kertas pertuduhan dan nota prosiding kes di hadapan hakim sesyen serta salinan saman di bawah s. 51 Kanun Tatacara Jenayah yang telah diperakui sebagai salinan yang
G disahkan oleh Pendaftar Mahkamah Sesyen.

[10] Pada 7 Mei 2009 jam 4.30 petang (mahkamah mempunyai kes sambung bicara sebelum itu) apabila permohonan semakan ini dipanggil, pihak pemohon yang diwakili oleh TPR Puan Norina
H Zainol Abidin dan peguam pihak tertuduh iaitu En. V. Parthiban turut hadir.

Pengemukaan Dokumen Atau Laporan Dalam Kes Jenayah

[11] Secara amnya pengemukaan apa-apa harta atau dokumen di
I mahkamah boleh dibuat melalui pembuat dokumen tersebut (maker) atau pemililiknya (owner) atau pegawai penyiasat kes (*Public Prosecutor v. Lin Lian Chen* [1990] 2 CLJ 1020; [1990] 2 CLJ (Rep) 746).

[12] Walau bagaimana pun s. 51 Kanun Tatacara Jenayah memberi kuasa budibicara kepada mahkamah sama ada sebelum permulaan prosiding atau semasa prosiding untuk mengeluarkan saman bagi mengarahkan mana-mana orang supaya mengemukakan dan menyerahkan apa-apa harta atau dokumen yang pada pendapat mahkamah adalah relevan dengan mana-mana siasatan, inkuiri, perbicaraan atau prosiding di hadapannya.

[13] Seksyen 51 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan:

> (1) Whenever any Court or police officer making investigation considers that the production of any property or document is necessary or desirable for the purposes of any investigation, inquiry, trial or other proceeding under this Code by or before that Court or officer, such Court may issue a summons or such officer a written order to that person in whose possession or power such property or document is believed to be requiring him to attend and produce it or to produce it at the time and place stated in the summons or order.
>
> (2) Any person required under this section merely to produce any property or document shall be deemed to have complied with the requisition if he cause the property or document to be produced instead of attending personally or produce the same.
>
> (3) Nothing in this section shall be deemed to affect any the provisions of any law relating to evidence for the time being in force or to apply to any postal article, telegram or other document in custody of the postal or telegraph authorities.

[14] Pemakaian s. 51 Kanun tersebut atau peruntukan yang *pari materia* dengannya telah dibincangkan dalam kes-kes seperti *PP v. Teoh Choon Teck* [1962] 1 LNS 141, *Haji Abdul Ghani bin Ishak v. Public Prosecutor* [1979] 1 LNS 23, *Syed Abu Bakar bin Ahmad v. Public Prosecutor* [1981] 1 LNS 127, *Public Prosecutor v. Raymond Chia Kim Chwee & Another Case* [1983] 1 CLJ 321; [1983] CLJ (Rep) 798 HC, *Kulwant v. Public Prosecutor* [1986] 2 MLJ 10 dan *Datuk Tiah Thee Kian v. PP & Other Appeals* [2002] 2 CLJ 21.

[15] Dalam kes *Raymond Chia (supra)* Mohd Azmi J (ketika itu) memberikan panduan ke atas kaedah permohonan di bawah s. 51 tersebut:

> The proper procedure would be for the requesting party to make an application for summons to be issued by the court against a particular person and to specify the documents or property required to be produced by such person.

[16] Dalam kes permohonan semakan di hadapan mahkamah ini, pihak pembelaan dan pihak pendakwaan tidak membuat permohonan bagi laporan kimia tersebut dikemukakan. Pengeluaran saman adalah di atas arahan hakim sesyen sendiri. Rekod prosiding tidak menunjukkan apa-apa permohonan atau hujahan pihak-pihak sebelum hakim sesyen memerintahkan saman di bawah s. 51 tersebut dikeluarkan. Satu-satunya inferens yang boleh dibuat oleh mahkamah ini ialah oleh kerana kes tersebut telah ditangguhkan sebutan sebanyak lima kali dan memasuki bulan kelima sejak didaftarkan dan laporan kimia masih belum disediakan dan tertuduh berada di dalam reman maka hakim sesyen mengambil initiatif sendiri dengan menggunapakai peruntukan s. 51 tersebut untuk mengarahkan ahli kimia menyerahkan laporan tersebut kepada mahkamah. Sama ada laporan itu bagi kegunaan mahkamah, atau untuk dibuat serahan kepada pihak pembelaan atau pihak pendakwaan setelah mahkamah diserahkan dengan laporan tersebut tidak dapat dipastikan tujuannya.

[17] Pada tahun 2006 Kanun Tatacara Jenayah telah dipinda melalui Kanun Acara Jenayah Akta Pindaan A 1274/06 dengan memasukkan peruntukan baharu s. 51A yang bertujuan untuk menghendaki pihak pendakwaan membekalkan dengan lebih awal sebelum bermulanya perbicaraan mana-mana dokumen yang hendak digunakan oleh pihak pendakwaan kepada pihak pembelaan/ tertuduh. Peruntukan baru ini adalah bertujuan untuk membolehkan prosiding perbicaraan berjalan dengan lebih lancar dan pihak pembelaan dapat membuat persediaan pembelaan kes yang lebih awal. Oleh yang demikian pergantungan pihak-pihak di bawah kaedah peruntukan s. 51 Kanun yang kebiasaannya memakan masa dan boleh melewatkan kelancaran prosiding bicara kes dapat diatasi. Peruntukan s. 51 Kanun masih terus dikekalkan disamping peruntukan baharu yang terdapat di bawah s. 51A tersebut. Di dalam kes *PP v. Mohd Fazil Awaludin* [2009] 2 CLJ 862, YA Pesuruhjaya Kehakiman Mohd Zawawi Salleh telah membincangkan pemakaian s. 51A dan berpendapat bahawa peruntukan tersebut adalah bersifat 'directory' dan bukannya 'mandatory' yang bermaksud ketidakpatuhan kepada peruntukan tersebut tidak menjadi halangan atau terhalang ke atas pihak pendakwaan daripada mengemukakan dokumen yang hendak dijadikan keterangan pendakwaan.

[18] Dalam perkara laporan oleh orang-orang tertentu, pengemukaan masuk mana-mana laporan orang-orang tertentu itu adalah diperuntukkan di bawah s. 399 Kanun Tatacara Jenayah.

[19] Seksyen 399 kanun memperuntukkan:

> (1) Any document purporting to be a report under the hand of any of the persons mentioned in subsection (2) upon any person, matter or thing examined or analysed by him or any document purporting to be a report under the hand of the Registrar of Criminals upon any matter or thing relating to finger impressions submitted to him for report may be given in evidence in any inquiry, trial or other proceeding under this Code unless that person or Registrar shall be required to attend as a witness:
>
> (a) by the Court;
>
> (b) by the accused, in which case the accused shall give notice to the Public Prosecutor not less than three clear days before the commencement of the trial:
>
> Provided always that in any case in which the Public Prosecutor intends to give in evidence any such report he shall deliver a copy of it to the accused not less than ten clear days before the commencement of the trial.
>
> (2) The following are persons to whom the provisions of this section apply:
>
> (a) officers of the Institute for Medical Research;
>
> (b) Government Medical Officer;
>
> (c) chemists in the employment of any Government in Malaysia or of the Government of Singapore;
>
> (d) any person appointed by the Minister by notification in the Gazette, to be a Document Examiner;
>
> (e) Inspector of Weights and Measures appointed as such under any written law relating to weights and measures in force in Malaysia; and
>
> (f) any person or class of persons to whom the Minister by notification in the Gazette declares that the provisions of this section shall apply.

[20] Oleh yang demikian ahli kimia adalah tergolong kepada "orang-orang tertentu" yang dinyatakan di bawah subseksyen (2)(c) s. 399 Kanun Tatacara Jenayah. Maka yang demikian laporan oleh ahli kimia hendaklah juga tertakluk kepada kaedah yang diperuntukkan di bawah s. 399 kanun.

[21] Memandangkan peruntukan s. 399 kanun adalah peruntukan yang bersifat khusus maka mahkamah ini berpendapat s. 51 dan s. 51A Kanun tidak terpakai bagi laporan oleh orang tertentu tersebut yang perlu dikendalikan menurut peruntukan s. 399 Kanun.

[22] Seksyen 399 Kanun memberi pilihan kepada pihak pendakwaan dalam membawa masuk laporan oleh orang-orang tertentu (kebiasaannya dipanggil laporan pakar) sebagai keterangan tertakluk kepada pra-syarat yang perlu dipatuhi, iaitu sesalinan laporan tersebut hendaklah dibuat serahan ke atas tertuduh tidak kurang daripada sepuluh hari genap sebelum permulaan perbicaraan itu. Jika tertuduh ingin memeriksa balas ke atas orang tertentu itu maka tertuduh perlu memberi notis kepada pihak Pendakwa Raya tidak kurang daripada tiga hari genap sebelum permulaan perbicaraan. Sekiranya laporan tersebut tidak dibuat serahan maka pembuat laporan perlu hadir sendiri memberi keterangan.

[23] Jika orang-orang tertentu itu hadir sendiri memberi keterangan maka laporan yang disediakan olehnya hanya untuk tujuan 'refresh memory' atau menjadi keterangan sokongan (*Public Prosecutor v. Lin Lian Chen* [1990] 2 CLJ 1020; [1990] 2 CLJ (Rep) 746, *Public Prosecutor v. Liew Onn Kiong* [1991] 1 CLJ 165, [1991] 3 CLJ (Rep) 593. Penerimaan masuk laporan kimia tanpa dibuat serahan ke atas tertuduh menjadikan sabitan tidak sah dan tidak boleh dipulihkan (*Chong Yik v. PP* [1953] 1 LNS 15 HC). Dalam kes *Ooi Lean Chai v. Public Prosecutor* [1991] 2 CLJ 1304; [1991] 1 CLJ (Rep) 337, Mahkamah Agung memutuskan laporan kimia masih wajib dibuat serahan semula walau pun kes diperintahkan 'retrial' jika pihak pendakwaan ingin menggunakan laporan tersebut. Mahkamah Agung juga memutuskan dalam kes itu "... the provision of s. 399(i) of the Criminal Procedure Code relates to admissibility of evidence and not merely procedural ... In our view it is settled law that the proviso to s. 399(1) CPC is condition precedent and if not complied with, the chemist report cannot be admitted in evidence without calling the Government

chemist to produce it." Keadaan-keadaan yang disebutkan ini menunjukkan betapa laporan kimia atau laporan oleh orang-orang tertentu diperuntukkan secara khusus dalam Kanun Tatacara Jenayah dan kaedah pengemukaan dan penggunaannya sebagai keterangan adalah diuruskan di bawah s. 399 Kanun.

[24] Di atas huraian yang telah dinyatakan itu, mahkamah ini berpendapat bahawa saman di bawah s. 51 Kanun Tatacara Jenayah yang dikeluarkan oleh hakim sesyen bagi 'memaksa' (to compel) ahli kimia menyerahkan laporan kimia kepada mahkamah adalah tidak betul dan tidak tepat di atas alasan:

(a) tiada permohonan sedemikian oleh mana-mana pihak kepada mahkamah bagi mendapatkan laporan kimia;

(b) peruntukan s. 51 Kanun tidak terpakai bagi laporan kimia oleh ahli kimia atau laporan oleh orang-orang tertentu;

(c) peruntukan s. 399 Kanun adalah peruntukan khusus berkaitan laporan ahli kimia dan ia mengatasi kaedah pengemukaan dokumen yang terdapat di bawah s. 51 Kanun;

(d) laporan ahli kimia belum sedia semasa saman dikeluarkan dan ahli kimia tidak boleh 'dipaksa' menyediakan laporan itu;

(e) pengemukaan terus laporan kimia kepada mahkamah adalah bertentangan dengan peruntukan s. 399 Kanun yang memberi pilihan kepada pihak pendakwaan samada ingin mengemukakannya sebagai keterangan atau perlu memanggil ahli kimia sendiri memberi keterangan;

(f) mahkamah mempunyai kuasa untuk memanggil ahli kimia tetapi panggilan sebagai saksi hendaklah diuruskan menurut peruntukan s. 399(1) Kanun;

(g) pengataan dalam saman bahawa waran tangkap akan dikeluarkan bagi ketidakpatuhan saman adalah bertentangan dengan peruntukan s. 51 tersebut yang tidak memperuntukkan peruntukan sedemikian.

Kesimpulan

[25] Seksyen 323 Bab XXXI Kanun Prosedur Jenayah memberikan kuasa kepada mahkamah ini untuk memanggil dan memeriksa rekod prosiding mahkamah bawahan dengan tujuan memuaskan hati ke atas ketepatan (correctness), keesahan (legality)

atau kebetulan (propriety) sebarang pendapat, hukuman, atau perintah yang telah direkodkan oleh mahkamah berkenaan. Mahkamah ini telah memeriksa rekod tersebut dan dokumen di lampirannya.

[26] Di atas alasan-alasan yang dihuraikan itu, mahkamah ini bersetuju untuk menggunakan kuasa-kuasa penyemakan yang diperuntukkan di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) dan s. 31 Courts of Judicature Act 1964 (Akta 91) bagi saman tersebut dibuat penyemakan. Mahkamah dengan ini mengenepikan saman di bawah s. 51 Kanun Tatacara Jenayah yang dikeluarkan oleh hakim sesyen bertarikh 5 Mei 2009 tersebut.